




PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI ISNIN: 17 NOVEMBER 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA 31)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : LISAN

Daripada : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]

Tarikh : ISNIN, 17 NOVEMBER 2008

SOALAN

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan kontrak pembelian produk Drama atau Dokumentasi yang dikatakan berat sebelah kerana setelah Penerbit menjualnya kepada stesen TV, ia menjadi milik penuh stesen tersebut. Benarkah dakwaan ini?

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada Y.B. Parit Buntar atas soalan yang dikemukakan. Dakwaan bahawa ekoran pembelian produk drama atau dokumentasi (program TV) menyebabkan hak milik program TV tersebut menjadi milik penuh stesen TV adalah tidak benar. Untuk makluman, terdapat dua kaedah perolehan;

- (i) Perolehan program TV yang telah siap (*finished product*) daripada Syarikat Penerbit

Stesen TV hanya membeli lesen hak siaran (*broadcasting right*) sahaja. Oleh itu, stesen TV hanya diberi had tempoh tertentu untuk menyiarkannya dan selepas itu, hak siaran berkenaan terkembali kepada Syarikat Penerbit semula.

- (ii) Perolehan program TV yang belum siap (*unfinished product*) daripada Syarikat Penerbit

Bagi keadaan ini, Stesen TV “mengupah” (dengan izin - *commission/out source*) Syarikat Penerbit supaya menerbitkan suatu program TV yang dipersetujui. Stesen TV sewajarnya mendapat hak milik penuh ke atas program TV berkenaan, tanpa arahan tersebut, Syarikat Penerbit tidak akan menerbitkan program TV tersebut sama sekali.

Tuan Yang DiPertua,

Oleh yang demikian, amatlah mustahak bagi pengusaha industri filem atau program TV memahami “keadaan transaksi” (dengan izin - *nature of transaction*) yang dimasuki oleh mereka dengan Stesen-Stesen TV bagi menghindar sebarang kekeliruan berhubung pegangan hak-hak yang terkandung dalam suatu filem atau program TV.

Disèdiakan oleh:

Encik Ahmad Sanusi Yahya
Penasihat Undang-Undang
Kementerian Penerangan

NO: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Chua Tee Yong [Labis]

TARIKH : 17 November 2008 (Isnin)

SOALAN : 11

Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapakah setiap penumpang yang menaiki kapal terbang di KLIA perlu membayar caj sebanyak RM3 kepada ERL yang dimasukkan ke dalam tiket mereka sedangkan mereka tidak menggunakan perkhidmatan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Pembangunan infrastruktur ERL adalah merupakan sebahagian daripada infrastruktur Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA.

Kerajaan telah membuat keputusan dasar bahawa Caj Perkhidmatan Penumpang (CPP) yang dilaksanakan oleh Malaysia Airport Holdings Berhad ke atas penumpang-penumpang yang berlepas dari KLIA adalah meliputi kos penyediaan kemudahan pengangkutan ERL.

Pengenaan caj ke atas perkhidmatan rel kepada semua penumpang-penumpang yang menggunakan kemudahan-kemudahan di lapangan terbang seperti KLIA adalah merupakan amalan-amalan yang diguna pakai oleh lain-lain lapangan terbang di seluruh dunia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pencapaian rancangan untuk mengadakan penyertaan wanita 30% di sektor awam dan swasta di bawah RMK-9 sehingga hari ini. Sila nyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mencapai matlamat ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2004 telah menampakkan beberapa kemajuan khususnya dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Peningkatan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan dapat dilihat dalam sektor awam di mana bilangan wanita yang menyandang jawatan utama sektor awam (JUSA) meningkat daripada 18.8% pada tahun 2004 kepada 26.0% pada tahun 2007. Selain itu, wanita yang berkhidmat sebagai Duta Besar juga meningkat daripada 10% pada tahun 2006 kepada 15.6% pada tahun 2007 manakala Pesuruhjaya Tinggi daripada 4.3% pada tahun 2006 kepada 40.0% pada tahun 2007. Perkembangan terkini dalam perkhidmatan Polis Diraja Malaysia juga amat memberangsangkan di mana buat pertama kali wanita dilantik memegang jawatan Ketua Polis Negeri.

Di samping sektor awam, penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat juga mula menampakkan kemajuan di mana bilangan wanita yang memegang jawatan penting seperti Presiden, Naib Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Besar Kanan meningkat daripada 13.5 peratus pada tahun 2004 kepada 24.0 peratus pada tahun 2007. Namun begitu, penglibatan wanita sebagai ahli Lembaga Pengarah telah menurun daripada 9.9 peratus pada tahun 2004 kepada 5.3 peratus pada tahun 2007.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam peringkat membuat keputusan seperti yang dihasratkan oleh Kerajaan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedang merangka Pelan Tindakan bagi Mencapai Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan. Pelan Tindakan tersebut melibatkan enam sektor seperti berikut:

- (i) Parlimen dan parti politik;
- (ii) Perundangan negeri, exco dan majlis tempatan;

- (iii) Sektor sivil dan syariah;
- (iv) Badan berkanun dan universiti;
- (v) Sektor awam; dan
- (vi) Sektor swasta.

Pelan Tindakan ini dijangka siap pada bulan Disember 2008.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS
DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA : PUAN NORAH BINTI ABDUL RAHMAN
(Tanjong Manis)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 17.11.2008

Puan Norah binti Abdul Rahman minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- (a) Sama ada Kerajaan bercadang untuk memansuhkan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) bagi menggalakkan pelabur-pelabur asing membawa masuk dana: dan
- (b) Jika tidak, adakah Kerajaan bercadang untuk mempermudah syarat-syaratnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk memansuhkan FIC.
2. Usaha sedang dijalankan oleh UPE untuk mengkaji peranan dan fungsi FIC di masa depan supaya ianya dapat memainkan peranan yang lebih proaktif dan dinamik untuk menggalakkan kemasukan pelaburan langsung asing (foreign direct investment – FDI). Ini adalah perlu bagi mempasti dan membantu untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang kompetitif dan berdaya saing disamping melindungi dan memajukan kepentingan Bumiputera di dalam sektor ekonomi.
3. Dalam pada itu, bagi meransang persekitaran pelaburan yang kondusif kepada para pelabur, beberapa sektor dan aktiviti

telah diberi pengecualian daripada Garis Panduan FIC seperti berikut:

- a) syarikat berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC);
- b) perolehan unit kediaman di bawah Program Malaysia–Rumah Keduaku (*Malaysia – My Second Home*);
- c) perolehan unit kediaman oleh kepentingan asing;
- d) syarikat yang layak dan beroperasi di Wilayah Pembangunan Iskandar;
- e) syarikat yang beroperasi di kawasan yang diluluskan dalam mana-mana koridor pembangunan wilayah;
- f) syarikat yang mendapat pengesahan daripada Sekretariat *Malaysian Islamic Financial Centre* (MIFC);
- g) syarikat yang mendapat status BioNexus;
- h) perolehan hartanah industri oleh syarikat pengilangan yang dilesenkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- i) syarikat yang mendapat status Pusat Perolehan Antarabangsa, Ibu Pejabat Operasi, Pejabat Perwakilan, Pejabat Serantau dan syarikat luar pesisir Labuan atau status khas lain yang diberikan oleh kementerian lain;
- j) perolehan hartanah yang bernilai kurang daripada RM10 juta oleh kepentingan tempatan;
- k) pindah milik hartanah kepada warganegara asing mengikut wasiat atau perintah mahkamah;
- l) projek penswastan sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri dengan syarat ia melibatkan syarikat konsensi asal yang

menandatangani kontrak projek penswastaan;

- m) perolehan atau pelupusan hartanah atau asset bagi tujuan sekuriti hutang yang disokong aset (*Asset-Backed Securities – ABS*)

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]
TARIKH : 17 November 2008
SOALAN :

Y.B. Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) Berapa lamakah peruntukan masa dan nilai perbelanjaan tambahan yang diberikan untuk menyiapkan PETRONAS Prince Court Hospital; dan
- (b) Apakah sebab dan alasan pertukaran kontraktor yang di mana pada awalnya projek ini telah diberikan kepada Peremba Construction Sdn. Bhd. kemudian diambil alih oleh Sunway Construction Sdn. Bhd.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak bagi pembinaan *Prince Court Medical Centre* (PCMC) telah dibuat secara tender terbuka dan dimenangi oleh Peremba Construction Sdn Bhd (Peremba) pada bulan September 2002 dengan nilai kontrak sebanyak RM357 juta. Di bawah kontrak tersebut, Peremba dikehendaki menyiapkan kerja-kerja pembinaan PCMC dalam jangkamasa 30 bulan iaitu selewat-lewatnya pada bulan April 2005.

Syarikat tersebut walau bagaimanapun, gagal menyiapkan projek berkenaan dalam jangkamasa yang ditetapkan dan telah memohon tempoh tambahan bagi menyiapkan kerja-kerja pembinaan tersebut. PCMC telah meluluskan tambahan masa selama enam bulan sehingga Oktober 2005.

Tuan Yang di Pertua,

Walaupun tambahan masa selama enam bulan telah diberikan, Peremba masih tidak berupaya untuk menyiapkan kerja pembinaan PCMC sepertimana dipersetujui di dalam kontrak. Oleh yang demikian, PCMC telah mengambil keputusan untuk menamatkan kontrak dengan Peremba pada bulan Oktober 2006.

PCMC kemudiannya telah melantik Sunway Construction Sdn. Bhd. (Sunway) pada bulan Disember 2006 untuk menyiapkan kerja-kerja pembinaan yang tidak disempurnakan oleh Peremba. Sunway dipilih atas rekod prestasi kerjanya yang baik dan dalam masa yang sama merupakan kontraktor bagi pembinaan *KLCC Convention Centre* yang berjaya disiapkan dalam jangkamasa yang ditetapkan.

Sunway telah menyiapkan baki kerja-kerja pembinaan PCMC pada bulan Jun 2007.

Kos pembinaan PCMC telah menelan belanja sebanyak RM391 juta, iaitu melebihi nilai kontrak yang telah diberi kepada Peremba sebanyak RM34 juta.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN TEE BENG [NIBONG TEBAL]

TARIKH : 17 NOVEMBER 2008 (ISNIN)

SOALAN : Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan pengeksporan sarang burung dari negara ini telah menjana sumber pendapatan sebanyak RM 300 juta setiap tahun. Adakah Kementerian telah berusaha membimbing dan sanggup berusaha bersama-sama dengan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menetapkan satu piawaian terhadap penternak diseluruh negara.

Tuan Yang Dipertua,

Mengikut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, nilai pengeksporan sarang burung bagi tahun semasa iaitu dari Januari-Jun 2008 adalah sebanyak RM5.65 juta dan tahun sebelumnya pula (2007) adalah sebanyak RM12.06 juta sahaja.

Sehingga kini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui agensi di bawahnya iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bersama-sama dengan Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri ada menganjurkan Seminar Amalan Baik Penternakan Burung Walit (GAHP) yang telah berjaya membimbing kira-kira 800 orang peserta.

JPV mempunyai kerjasama yang erat dan rapat dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Kerajaan Tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khususnya berkenaan garis panduan industri walit dan pelesenan premis-premis serta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan PERHILITAN berkenaan pengeksporan sarang burung ke luar negara.

Dari semasa ke semasa, JPV dan agensi-agensi lain yang terlibat sentiasa mengadakan mesyuarat dan perbincangan untuk menentukan masalah yang dihadapi penternak terutamanya dengan PBT berkenaan dengan masalah pelesenan premis dan pencemaran alam sekitar. Buat masa ini, penyeragaman garis panduan industri walit di antara semua agensi sedang dan masih dibincangkan dan akan dilaksanakan apabila kerjasama serta persefahaman dapat dicapai bagi menetapkan piawaian sama yang harus diikuti oleh penternak di seluruh negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]
TARIKH : 17 NOVEMBER 2008 (Isnin)
SOALAN :

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab Kerajaan telah menambahkan jumlah pekerja perkhidmatan awam sebanyak 23.5% ke 1.14 juta sejak tahun 2000. Nisbah pekerja perkhidmatan awam per kapita Malaysia adalah antara yang tertinggi di dunia. Bukankah hakikat ini mencerminkan ketidakberkesanan dan kegagalan pendekatan penswastaaan Kerajaan.

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang di-Pertua,

Purata pertambahan perjawatan perkhidmatan awam dari tahun 2001 hingga 2007 adalah sebanyak 5.36%. Sebahagian besar perjawatan atau 33% adalah dalam perkhidmatan sektor sosial meliputi sektor pendidikan dan kesihatan

oleh sebab Kerajaan memberi perhatian kepada penambahbaikan perkhidmatan di kedua-dua sektor. Misalnya Kerajaan terus berusaha memperbaiki nisbah pendidik dengan murid dan nisbah anggota kesihatan (dokter perubatan, doktor pergigian, jururawat, anggota separa perubatan, pegawai farmasi) dengan penduduk.

Tuan Yang di-Pertua,

Pertambahan jawatan juga berlaku di sektor keselamatan berdasarkan strategi pertahanan negara dan ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Pertambahan jawatan tidak berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah diswastakan.

SOALAN NO: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]
TARIKH : 17 NOVEMBER 2008
RUJUKAN : 1326

SOALAN:

**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) jumlah orang yang masih memegang kad pengenalan merah mengikut pecahan kaum. Sila beri pecahan mengikut kaum Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan sebagainya; dan

- (b) Berapa ramaikah di antara mereka yang memegang kad pengenalan merah, yang telah memohon untuk kewarganegaraan (Kad Pengenalan Biru) dan berapa kelulusan telah dibuat mengikut kaum Melayu, Cina India, Kadazan, Iban dan lain-lain sejak merdeka dan tempoh masa diambil untuk diproses.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Teluk Intan.

Bagi menjawab soalan (a) ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia, jumlah Pemegang Kad Pengenalan Merah adalah sebanyak 371,234 yang terdiri daripada kaum Melayu seramai 15,535 orang, kaum Cina seramai 40,733 orang, kaum India seramai 63,441 orang, kaum Kadazan seramai 119 orang, kaum Iban seramai 472 orang dan lain-lain kaum adalah seramai 250,934 orang.

Bagi soalan (b), seramai 1,389,436 Pemegang Kad Pengenalan Merah telah memohon taraf kewarganegaraan semenjak merdeka sehingga Ogos 2008. Dari jumlah tersebut, seramai 1,343,940 orang Pemegang Kad Merah telah diberi taraf kewarganegaraan Malaysia. Daripada baki sebanyak 45,496 permohonan, sebanyak 22,060 adalah masih dalam proses dan sebanyak 23,436 adalah tidak berjaya.

Tiada rekod mengenai statistik kelulusan permohonan kewarganegaraan bagi pemegang Kad Pengenalan Merah secara terperinci mengikut kaum semenjak merdeka. Walau bagaimanapun, statistik kelulusan mengikut kaum telah mula direkod dan disimpan di JPN semenjak 10 tahun yang lalu bermula dari tahun 1998 sehingga kini. Pecahan mengikut kaum dari tahun 1998 hingga Ogos 2008

adalah seramai 2,294 orang berketurunan Melayu, 1,175 orang berketurunan Cina, 786 orang berketurunan India dan 956 orang dari lain-lain keturunan telah diberi taraf kewarganegaraan oleh kerajaan.

Untuk makluman Tuan Yang DiPertua, tiada tempoh khusus yang ditetapkan dalam memberi keputusan.

Tuan Yang Dipertua,

Tidak ada Piagam Pelanggan yang menetapkan tempoh masa yang diambil untuk meluluskan permohonan kewarganegaraan. Ini adalah kerana setiap kelulusan yang diberi perlu melalui beberapa peringkat yang ditetapkan mengikut peraturan seperti memohon Permit Masuk daripada Jabatan Imigresen Malaysia terlebih dahulu dan seterusnya membuat permohonan bagi mendapatkan Taraf Penduduk Tetap daripada Jabatan Pendaftaran Negara.

Setelah memiliki Taraf Penduduk Tetap barulah mereka boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan yang juga akan melalui pelbagai peringkat ujian dan tapisan seperti Ujian Bahasa Melayu dan setiap pemohon juga perlu melalui Tapisan Keselamatan yang dijalankan oleh Polis DiRaja Malaysia, selain daripada semakan ke atas dokumen dan penilaian ke atas individu berkenaan.

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]
TARIKH : 17 November 2008

SOALAN :

Y.B. Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapa banyak telaga gas dan minyak yang telah dijumpai tetapi masih belum diterokai dan berapa banyak telaga gas dan minyak yang dijangka akan dijumpai lagi di daratan dan perairan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat kira-kira 136 medan-medan minyak dan gas yang telah ditemui di luar pantai Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 88 buah medan minyak dan gas ini telah dibangunkan dan sedang mengeluarkan hasil manakala 48 medan yang lain sedang dibangunkan.

Disediakan : Nik Adnan bin Nik Abdullah
Telefon : 03-88883625

Disemak : Dr. Rosli bin Mohamed
Telefon : 03-88883666

Diluluskan : Y.Bhg. Dato' Dr. Ali bin Hamsa
Telefon : 03-88882757

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN AZAN BIN ISMAIL (INDERA MAHKOTA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.11.2008

SOALAN NO : 19

Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah rebat tunai yang telah dibayar kepada orang awam setakat ini serta bilangan penerimanya mengikut kategori.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh 14 Jun sehingga 31 Oktober 2008, jumlah rebat tunai yang telah dibayar kepada pemilik kenderaan persendirian adalah sebanyak RM2.5 bilion dengan bilangan kenderaan lebih kurang 5.66 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM316.1 juta merupakan rebat tunai kepada 2.11 juta pemilik motosikal persendirian berkapasiti enjin sehingga 250 cc. Manakala RM2,028 juta adalah rebat tunai kepada 3.24 juta pemilik kenderaan persendirian berkapasiti enjin sehingga 2000 cc. Bakinya sebanyak RM192 juta merupakan rebat tunai kepada hampir 0.31 juta pemilik jip dan *pick-up* persendirian

berkapasiti enjin sehingga 2500 cc di Semenanjung dan sehingga 3000 cc di Sabah dan Sarawak.

NW: 20

LAMPIRAN M

SOALAN 27 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK]
TARIKH : 17 NOVEMBER 2008
SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:

mengapakah Gunung Jerai, satu khazanah pelancongan di Malaysia dianak tirikan oleh Kerajaan Pusat. Tidak terdapat program-program khusus yang menggunakan Gunung Jerai sebagai tarikan pelancong.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Gunung Jerai adalah merupakan salah satu destinasi eko-pelancongan di Negeri Kedah yang turut diberi perhatian oleh Kerajaan Pusat dan tidak dianaktirikan.

Kementerian Pelancongan Malaysia telah menyiapkan pembangunan kemudahan pelancongan di bawah RMKe-9 dengan peruntukan

berjumlah RM 2.5 juta bagi menaiktaraf kemudahan pelancongan di kawasan Gunung Jerai dan Titi Hayun, Yan, Kedah.

Usaha-usaha promosi pelancongan Gunung Jerai akan dipertingkatkan setelah kerja-kerja menaiktaraf resort milik PKNK di puncak Gunung Jerai siap sepenuhnya. Untuk itu juga, acara '**Gunung Jerai Endurance**' akan diadakan pada bulan November 2008 yang merupakan salah satu usaha promosi pelancongan Gunung Jerai.

NO: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT

SOALAN 21 : PR-1213-L15574
PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING
(SERDANG)

TARIKH : 17 NOVEMBER 2008
SOALAN : YB Puan Teo Nie Ching (Serdang)
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan bilangan, lokasi dan kos
pengoperasian kesemua pejabat
Perwakilan Luar Negara dan juga
bilangan kakitangan mengikut gred
perkhidmatan di pejabat-pejabat
tersebut

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Serdang di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, soalan ini pernah ditanya oleh Y.B. Tuan Ahmad bin Kassim dari Kuala Kedah pada 2 Julai 2008 dan mempunyai persamaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat Indera Mahkota yang dijadualkan pada 25 November 2008. Saya memohon untuk menjawab kedua-dua soalan ini pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga Oktober 2008 terdapat seramai 440 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Luar Negeri sedang berkhidmat di 105 Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara. Daripada jumlah tersebut, 17 orang pegawai adalah daripada kumpulan Pengurusan Tertinggi, 143 pegawai kumpulan Pengurusan & Profesional dan 269 adalah kakitangan Kumpulan Sokongan. Manakala jumlah Kakitangan Ambilan Tempatan (KAT) adalah seramai 1350 orang.

Selain daripada itu juga, sejumlah 421 orang pegawai dan kakitangan sokongan daripada 19 lain-lain Kementerian/Agensi, antaranya seperti Kementerian Pertahanan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan

Industri dan Jabatan Imigresen Malaysia turut sama berkhidmat di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara.

Untuk makluman juga, jumlah keseluruhan Perwakilan Malaysia di luar negara adalah sebanyak 105 buah. Lokasi dan jumlah Perwakilan Malaysia di luar negara mengikut rantau adalah seperti berikut:

Benua Afrika	-	5 Suruhanjaya Tinggi; dan 8 Kedutaan Besar.
Benua Amerika	-	1 Suruhanjaya Tinggi; 8 Kedutaan Besar; 3 Konsulat Jeneral; dan 1 Perutusan Tetap.
Asia Tenggara	-	2 Suruhanjaya Tinggi; 8 Kedutaan Besar; 4 Konsulat Jeneral; dan 2 Konsulat.
Asia Timur	-	4 Kedutaan Besar; 4 Konsulat Jeneral; dan 1 Pusat Persahabatan dan Perdagangan Malaysia.
Asia Barat	-	12 Kedutaan Besar; 2 Konsulat Jeneral.
Asia Tengah	-	2 Kedutaan Besar.

Asia Selatan	-	4 Kedutaan Besar; 4 Konsulat Jeneral.
Eropah	-	1 Suruhanjaya Tinggi; 21 Kedutaan Besar; 1 Perutusan Tetap; 1 Konsulat Jeneral; 1 Pejabat Perhubungan.
Pasifik Selatan	-	4 Kedutaan Besar; dan 1 Konsulat Jeneral.

Manakala jumlah keseluruhan perbelanjaan atau kos yang digunakan oleh semua Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara semenjak tahun 2004 sehingga kini (sehingga 30 Jun 2008) adalah sebanyak RM1,364,554,908.55.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAPAN LISAN
DARIPADA : Y. B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
(KUALA KEDAH)
TARIKH : 17.11.2008

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pembangunan infrastruktur pengangkutan di Perak yang terlibat dalam pembinaan jalan raya Gerik-Jeli, landasan berkembar dari Ipoh ke Padang Besar dalam projek jalan raya persisiran pantai dari Kuala Perlis ke Simpang Empat, Perak dan projek komuter dari Ipoh ke Sungai Petani, Kedah di bawah NCER.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan Jalan Grik-Jeli

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Jalan Grik-Jeli telah dicadangkan untuk dilaksanakan di bawah Wilayah Pembangunan Koridor Timur (ECER). Walau bagaimanapun, memandangkan peruntukan adalah terhad di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, projek ini tidak diluluskan untuk pelaksanaan kerana keutamaan telah diberikan kepada projek-projek yang telah bermula secara fizikal.

Projek Landasan Berkembar Ipoh-Padang Besar

Sehingga 31 Ogos 2008, kemajuan kerja-kerja fizikal projek landasan berkembar Ipoh-Padang Besar mencapai 11.83 peratus iaitu lebih cepat berbanding jadual asal 9.75 peratus. Manakala dari segi kewangan pula, kemajuan adalah 12.80 peratus berbanding jadual asal sebanyak 11.74 peratus. Antara kerja yang sedang dijalankan adalah kerja-kerja ukur, pembinaan jalan masuk ke tapak, pengalihan utiliti, rawatan tanah, penanaman cerucuk dan kerja letupan untuk pembinaan terowong. Projek ini dijadual siap sepenuhnya pada Januari 2013.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kerajaan sedang melaksanakan Projek Membina Jalan Persisiran Pantai dari Kuala Kedah ke Kuala Sanglang dan jumlah yang telah diperuntukkan bagi projek ini adalah RM36 juta. Projek ini telah diluluskan berdasarkan kepada satu kajian kemungkinan Jalan Persisiran Pantai (Teluk Air Tawar ke Kuala Kedah) telah dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Projek Membina Jalan Persisiran Pantai dari Kuala Kedah ke Kuala Sanglang merupakan sebahagian daripada jajaran jalan persisiran pantai dari Kuala Perlis ke Simpang Empat.

Memandangkan jalan persisiran pantai dari Kuala Perlis ke Simpang Empat melibatkan jajaran yang panjang dan kos yang tinggi, cadangan pembinaan keseluruhan jalan tersebut perlu dikaji dengan teliti dan dilaksanakan mengikut keperluan dan keutamaan.

Projek Komuter Dari Ipoh ke Sungai Petani, Kedah di bawah NCER

Berhubung dengan projek komuter dari Ipoh ke Sungai Petani, Kedah di bawah NCER, kajian teliti perlu dilakukan untuk mengenal pasti keperluan dan daya maju perkhidmatan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan komuter seumpama ini memerlukan landasan berkembar elektrik untuk beroperasi. Memandangkan projek landasan berkembar Ipoh-Padang Besar dijangka siap pada tahun 2013, perkhidmatan komuter yang dicadangkan hanya boleh dipertimbangkan apabila projek tersebut siap kelak.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' SERI DR JAMALUDDIN BIN
DATO' MOHD JARJIS
(ROMPIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.11.2008

Dato' Seri Dr Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis (Rompin) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk mengurangkan faedah ke atas pinjaman kenderaan dan perumahan yang dibuat oleh kakitangan Kerajaan memandangkan kepada masalah kenaikan kos sara hidup dan harga barangan sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman kenderaan dan perumahan oleh kakitangan Kerajaan adalah sebanyak 4% atas baki pinjaman yang belum diselesaikan berbanding yang dikenakan oleh institusi kewangan kepada peminjam berasaskan kadar faedah atas jumlah pinjaman pokok. Secara purata, kos pembiayaan pinjaman Kerajaan ini adalah lebih rendah, maka Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk mengurangkan kadar faedah berkenaan.

2. Bagaimanapun, Kerajaan semasa pembentangan Bajet 2009 pada 29 Ogos 2008 telah mencadangkan supaya tempoh pinjaman perumahan Kerajaan dilanjutkan dari 25 tahun kepada 30 tahun bertujuan untuk mengurangkan ansuran bayaran bulanan yang perlu dijelaskan oleh kakitangan Kerajaan. Kerajaan juga mengusulkan supaya kemudahan pinjaman perumahan Kerajaan diperluaskan untuk merangkumi kerja ubah suai ke atas rumah yang tidak dibeli melalui pinjaman Kerajaan bagi membolehkan lebih ramai kakitangan Kerajaan dapat menikmati kos pembiayaan pinjaman yang lebih rendah dan menguntungkan ini.

3. Di samping itu, Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai program serta mencadangkan pelbagai pendekatan untuk membantu rakyat termasuk kakitangan Kerajaan berhadapan dengan kenaikan kos sara hidup dan harga barangan seperti memberi pengecualian cukai ke atas kadar faedah pinjaman perumahan, kenderaan dan pendidikan, memberi pengecualian duti setem 50% ke atas surat cara perjanjian pinjaman perumahan bagi pembeli rumah kos sederhana dan sebagainya.

Disediakan oleh : Tan Siew Geok
KS(A): 88802008/019-3528003

Diluluskan oleh : Hj Shuib bin Md Yusop
SBR: 88802222/013-6135678

Yong Bun Fao
SBCP: 3380

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB
TARIKH : 17 NOVEMBER 2008 (ISNIN)
NO. SOALAN : 24

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan terhadap para pelajar miskin, cemerlang dan berpotensi untuk berjaya di luar-luar bandar mendapat bantuan untuk menyambung pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperluaskan akses pengajian tinggi kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira jurang pendapatan, wilayah, perbezaan etnik dan keupayaan fizikal. Teras Pertama Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara menggariskan beberapa strategi untuk meningkatkan akses dan ekuiti pelajar miskin di bandar dan luar bandar bagi memastikan setiap individu yang layak dan berpotensi ditawarkan tempat di IPT tidak dinafikan peluang mereka disebabkan oleh faktor kewangan.

Pembiayaan pengajian sedia ada telah mengambil kira kesemua kumpulan sasar termasuk pelajar dari keluarga miskin bandar dan luar bandar, pelajar OKU, pelajar Sabah dan Sarawak serta orang asli. Pelbagai bentuk pembiayaan telah disediakan seperti pinjaman PTPTN, biasiswa dan sebagainya oleh pelbagai pihak seperti Kerajaan, badan-badan berkanun, syarikat milikan Kerajaan (GLC), kerajaan negeri, yayasan-yayasan serta agensi swasta bagi membolehkan pelajar-pelajar berkenaan menyambung pengajian ke institusi pengajian tinggi.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**Daripada : Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
[Machang]**

Tarikh : 17 November 2008

Soalan : 25

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan setakat mana pencapaian Program Brain Gain Kebangsaan yang diperuntukkan RM50 juta.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Machang, Program Brain Gain Kebangsaan yang dilancarkan pada 4 Disember 2006 bertujuan untuk, dengan izin, *fast-track* pembangunan sains, teknologi dan inovasi (STI) negara. Program ini menggunakan kepakaran, pemindahan ilmu dan teknologi dari saintis-saintis terkemuka termasuk *diaspora* Malaysia yang menetap di luar negara melalui kolaborasi dengan institusi penyelidikan dan industri tempatan. Ia bertujuan untuk

mencapai matlamat negara dalam menjana ilmu, kekayaan dan kesejahteraan rakyat.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia, setakat ini, pencapaian program ini adalah memberangsangkan. Sebanyak 31 kolaborasi dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI) telah dihasilkan yang melibatkan institusi-institusi yang terkemuka seperti Harvard University, Stanford University dan Massachusetts Institute of Technology (MIT).

Pecahan bilangan kolaborasi mengikut bidang-bidang keutamaan adalah seperti berikut:

- a) Bahan Termaju (5);
- b) Nanoteknologi (4);
- c) Teknologi Maklumat (6);
- d) Bioteknologi-kesihatan (8);
- e) Bioteknologi-pertanian (4); dan
- f) Inovasi (4).

Institusi-institusi yang berkolaborasi dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Institut Penyelidikan Awam (IPA) dan industri adalah dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Korea Selatan, Jerman, Jepun, Australia, Kanada, India dan Singapura.

Tuan Yang DiPertua,

Bilangan saintis, pelajar, dan pensyarah yang mendapat manfaat daripada Program Brain Gain setakat ini adalah seramai 1,300 orang,

bilangan IPT dan IPA sebanyak 27 manakala bilangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) adalah sebanyak 4.

Sektor-sektor industri yang akan menerima manfaat daripada program ini adalah teknologi maklumat, pembinaan, bioteknologi (kesihatan dan pertanian), pembuatan dan telekomunikasi.

SULIT

NO SOALAN : 26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAIME BIN UNGGI
(TENOM)**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2008
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah program-program susulan bagi membantu bekas tentera menjalani kehidupan biasa di dalam masyarakat setempat.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Di antara program-program susulan yang dijalankan termasuklah program latihan dan program sosioekonomi bagi membantu bekas tentera yang diiktiraf menjalani hidup baru.

Program susulan yang diadakan termasuklah peluang latihan kemahiran oleh Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) di Sungai Buloh, bantuan penjadohan kerja, program bertemu majikan di samping bantuan pembangunan usahawan. Bagi kebanyakan bekas tentera yang lazimnya berhenti dengan cara terhormat dan diiktiraf sebagai Veteran ATM, PERHEBAT kekal menyediakan peluang-peluang latihan dalam pelbagai bidang walaupun setelah berhenti dari perkhidmatan.

Program penjadohan kerja pula membantu untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan mengenal pasti kecenderungan dan kebolehan bekas tentera. Di samping itu program bertemu majikan pula diadakan untuk memperkenalkan bekas tentera kepada majikan secara berkumpulan. Kementerian berharap program bertemu

SULIT

majikan ini akan dapat mewartarkan kebolehan bekas tentera demi membuka peluang pekerjaan kepada mereka.

Bagi program meningkatkan sosioekonomi pula, Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) menjalankan program pembangunan usahawan termasuklah memberi sokongan kepada bekas tentera untuk memulakan atau meningkatkan perniagaan kecil. JHEV sentiasa terbuka untuk memberi sokongan kepada bekas tentera yang ingin mendapatkan lesen perniagaan secara kecil-kecilan.

Di samping itu, Yayasan Veteran ATM juga menyelenggarakan program latihan bagi balu-balu Veteran ATM.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
TARIKH : 17 NOVEMBER 2008 (ISNIN)
SOALAN : 27

Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah sebabnya pelajar-pelajar STPM tidak diberi keutamaan bila dibandingkan dengan pelajar-pelajar Kursus Asasi dan Matrikulasi untuk penempatan di IPTA-IPTA, padahal STPM diiktiraf oleh IPTA-IPTA seluruh dunia dan Kursus Asasi dan Matrikulasi tidak ada pengiktirafan yang setaraf.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saluran kemasukan ke IPTA adalah melalui STPM, Matrikulasi, Diploma dan kelulusan yang setara. Kesemua permohonan diberi layanan yang saksama melalui kaedah pengambilan berdasarkan prinsip meritokrasi yang mengambil kira 90% markah akademik dan 10% markah ko-kurikulum. Pemilihan kemasukan pelajar adalah berdasarkan susunan merit, pilihan program pengajian, pilihan IPTA dan bilangan tempat yang disediakan bagi setiap program pengajian di IPTA. Di dalam hal ini, pemohon yang layak dan memenuhi kriteria pemilihan yang ditetapkan, tanpa mengira jurang pendapatan, wilayah, perbezaan etnik dan keupayaan fizikal akan dipilih memasuki IPTA.

SOALAN NO: 28

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : ISNIN, 17 NOVEMBER 2008

RUJUKAN : 15

SOALAN :

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan mengapa DBKL menjual Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 tanpa Jilid 3, apakah tujuan DBKL untuk tidak mengemukakan Jilid 3 tersebut dan sehubungan dengan ini dan demi keadilan adakah Kerajaan bercadang mengarahkan DBKL make available Jilid 3 tersebut kepada orang awam dan melanjutkan masa bagi orang awam mengemukakan bantahan terhadapnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju, Draf pelan tempatan untuk Kuala Lumpur yang dikenali sebagai Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 yang diwartakan untuk penyertaan awam pada 15 Mei 2008 terdiri daripada:

- i. Jilid 1: Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020
- ii. Jilid 2 Bahagian 1: Pelan Kawalan Pembangunan 2008
- iii. Jilid 2 Bahagian 2: Zon Guna Tanah dan Intensiti
- iv. Jilid 4: Kampung Bahru

Draf Jilid 3: Pelan Garis Panduan Pembangunan ini mengandungi potensi pembangunan, isu utama, strategi dan cadangan-cadangan awal pembangunan untuk presint-presint tertentu sahaja. Cadangan awal utama ini mengandungi cadangan rangkaian pejalan kaki dan rangkaian kawasan hijau dan bentuk pembangunan di kawasan-kawasan usang. Garis panduan ini akan menjadi panduan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam melaksanakan pembangunan atau pembaikan infrastruktur-infrastruktur tersebut dalam presint-presint yang berkenaan. **Dokumen ini bukannya dokumen statutori tetapi ialah dokumen pentadbiran untuk membantu Datuk Bandar menterjemahkan dokumen Jilid 1 dan 2 semasa menimbangankan permohonan kebenaran merancang.**

Cadangan-cadangan yang terdapat di dalam garis panduan ini masih belum dimuktamadkan kerana ianya bergantung kepada guna tanah, kepadatan dan nisbah plot yang dirumuskan di dalam dokumen Jilid 2 Bahagian 2: Pelan Kawalan Pembangunan 2008. Oleh itu, sehingga kini dokumen tersebut masih lagi belum dicetak untuk penggunaan. Garis panduan di dalam Jilid 3 ini masih tertakluk kepada pindaan iaitu setelah Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (Jilid 1, 2 dan 4) diluluskan oleh Menteri Wilayah Persekutuan mengikut peruntukan Seksyen 16(1) Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982. Keputusan Menteri Wilayah Persekutuan mengenai hala tuju strategik (Jilid 1) dan asas kawalan pembangunan (Jilid 2) akan menentukan bentuk dan kandungan garis panduan yang perlu disediakan dalam Jilid 3.

Apabila dokumen Jilid 3: Pelan Garis Panduan Pembangunan ini dikemaskini, **ianya juga akan dikemukakan untuk pandangan awam sebelum ianya diterimapakai.** Sebagai garis panduan, **dokumen ini tidak akan diwartakan** seperti dokumen Jilid 1, 2 dan 4. Orang ramai akan berpeluang meneliti dan membeli garis panduan ini setelah ianya dimuktamadkan. Garis panduan ini juga akan **dikemaskini dari masa ke masa dan dikemukakan untuk pandangan awam setiap kali dikemaskini.**

NO: 29

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**Daripada : Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[Pontian]**

Tarikh : 17 November 2008

Soalan : 29

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapa jenis teknologi yang berlainan dan boleh diguna untuk bahan api kenderaan selain dari petrol, diesel dan NGV. Adakah teknologi berkenaan mempunyai nilai ekonomi pasaran untuk dikembangkan bagi mengatasi kebergantungan pada petroleum di Negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Jenis-jenis teknologi yang boleh digunakan untuk bahan api kenderaan selain dari petrol, diesel dan NGV, adalah hidrogen, solar dan biofuel seperti bioethanol dan biodiesel.

Tenaga alternatif menggunakan teknologi hidrogen adalah melibatkan proses elektrolisis atau penguraian molekul air kepada hidrogen dan oksigen. Hidrogen dan oksigen ini akan disalur ke dalam 'genset' untuk menjana tenaga elektrik. Antara projek yang sedang dikaji oleh SIRIM berhubung bidang kajian ini adalah *hydrogen powered engine, hydrogen generation* dan *diesel engine efficiency enhancement*.

Selain teknologi hidrogen, teknologi yang juga sedang giat dikaji di seluruh dunia adalah penggunaan tenaga solar untuk menjana tenaga elektrik bagi menggerakkan kereta. Tenaga solar akan diserap oleh panel solar dan diubah kepada tenaga elektrik. SIRIM sedang menjalankan kajian penggunaan hibrid di antara tenaga solar dan *fuel-cell* sebagai bahan api alternatif untuk kenderaan dan ini secara tidak langsung akan mengurangkan pergantungan kepada petroleum di negara ini.

Tuan Yang DiPertua,

Satu lagi bahan api alternatif yang sedang dikaji adalah penggunaan biomas seperti menggunakan kelapa sawit, alga, dan sisa buangan pepejal bandar (*municipal solid waste*) untuk menghasilkan bioethanol dan biodiesel. Bioethanol dan biodiesel boleh digunakan sebagai bahan bakar api kenderaan. Pada masa ini, SIRIM sedang bekerjasama dengan agensi penyelidikan dari Russia dalam menghasilkan *bioethanol* daripada tandan kosong kelapa sawit (*empty fruit bunch-EFB*). SIRIM juga sedang mengkaji pengeluaran biodiesel secara skala kecil yang sesuai

untuk kegunaan kenderaan berkuasa kecil dan juga mesin pertanian, selain Biogas yang dihasilkan daripada bahan buangan kilang kelapa sawit (POME) yang dapat diubahsuai untuk menghasilkan bahan tenaga alternatif.

Berhubung persoalan nilai ekonomi pasaran bagi teknologi-teknologi yang disebutkan tadi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah dijangkakan bahawa nilai pasaran penggunaan hidrogen adalah sebanyak 5%, tenaga solar sebanyak 10%, biomass sebanyak 5%, dan *bioethanol* sebanyak 20%; daripada pasaran petroleum.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI
(SILAM)
TARIKH : 17.11.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah kebenaran kepada pendapat am bahawa STPM adalah salah satu peperiksaan yang paling mencabar di dunia dan bagaimanakah usaha Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) setakat ini untuk mengantarabangsa STPM sepertimana Cambridge A Level, yang telah dicadangkan oleh MPM tidak lama dahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sukatan pelajaran dan soalan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang dibina adalah berdasarkan *bench marking* dengan badan-badan peperiksaan di peringkat antarabangsa. Peperiksaan STPM juga adalah setaraf dengan peperiksaan Cambridge A Level yang membolehkan sijil STPM diterima di peringkat antarabangsa untuk tujuan kemasukan ke universiti di luar negara. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) ingin menegaskan bahawa dakwaan menyatakan peperiksaan STPM merupakan salah satu peperiksaan yang paling mencabar di dunia adalah tidak benar.

Sesuai dengan hala tuju RMKe-9 dan PIPP 2006-2010, KPM melalui Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) sedang merangka beberapa rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk meningkatkan kualiti sistem pentaksiran di

peringkat Tingkatan Enam. Usaha melaksanakan misi ini melibatkan perubahan yang radikal dalam sistem pengukuran dan penilaian pendidikan. Antaranya ialah merombak sistem peperiksaan STPM daripada sistem terminal kepada sistem modular untuk memenuhi ekspektasi pengguna sesuai dengan keperluan pendidikan semasa dan masa depan. Sejajar dengan hala tuju ini, sukatan pelajaran bagi semua mata pelajaran sedang digubal semula untuk disesuaikan dengan sistem modular.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI
BIN HAJI SAMSURI
(BAGAN SERAI)**
TARIKH : **17 NOVEMBER 2008**
SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan senarai dan tugas-tugas secara terperinci peranan Ketua-ketua Kampung yang dilantik oleh Kerajaan Pusat melalui JKKKP.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, matlamat penubuhan JKKKP bukan bertujuan untuk melaksanakan aktiviti pengawasan kampung, sebaliknya lebih tertumpu untuk membantu Jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan melaksanakan tugas yang berkaitan projek-projek pembangunan di peringkat kampung dengan lebih berkesan yang meliputi program-program pembangunan modal insan, infrastruktur, ekonomi dan pembasmian kemiskinan.